

# **ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEPAHLAWANAN ANGKATAN TENTERA (DKAT)**



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4155-istiadat-penganugerahan-darjah-kepahlawanan-angkatan-tentera-dkat](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4155-istiadat-penganugerahan-darjah-kepahlawanan-angkatan-tentera-dkat)



KUALA LUMPUR, 22 November 2018 – Seramai 622 pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk delegasi luar negara dikurniakan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) dalam Istiadat Penganugerahan yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM hari ini.

Dalam istiadat tersebut menyaksikan seramai 21 orang penerima dianugerahkan Darjah Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT), 69 penerima Darjah Panglima Angkatan (PAT), 268 penerima Kesatria Angkatan Tentera (KAT) dan 261 penerima Bentara Angkatan Tentera (BAT) serta 3 orang penerima Darjah Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia; YB Senator Liew Chin Tong; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kanan ATM.



